

# Rakyat tidak akan sokong keganasan

Ut - 8 SEP 2009

**J**ITRA 7 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad percaya rakyat negara ini tidak akan menyokong cara keganasan untuk menjatuhkan kerajaan bagi mendirikan sebuah negara Islam.

Ini kerana Malaysia sudah pun diiktiraf oleh dunia sebagai sebuah negara Islam dan negara Islam tidak boleh ditagakkan dengan cara keganasan, kata Perdana Menteri.

“Saya percaya rakyat Malaysia baik-baik belaka dan tidak akan melontar born pada majlis keramaian seperti perjumpaan kita hari ini,” katanya berucap pada majlis rakyat bersama pemimpin di Sekolah Kebangsaan Seri Banai, dekat sini hari ini.

Malangnya, kata Dr. Mahathir ada juga segelintir rakyat negara ini yang tidak senang melihat negara ini aman dan cuba melakukan keganasan.

Beliau merujuk laporan akhbar hari ini yang menyebutkan 10 orang rakyat Malaysia yang menjadi anggota Jemaah Islamiah (JI) yang didakwa sebagai pengganas dan telah diarah oleh Amerika Syarikat supaya dibekukan aset mereka.

Dr. Mahathir menjelaskan, golongan ini boleh bertanding dalam pilihan raya dan jika rakyat menyokong, mereka boleh tubuhkan kerajaan.

“Tetapi mereka tahu rakyat tidak akan menyokongnya dan sebab itu mereka kecewa dan memilih keganasan untuk menjatuhkan kerajaan,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia bukan sekadar diiktiraf sebagai negara Islam, tetapi dunia juga mengangap Malaysia sebagai contoh negara Islam terbaik.

Malangnya ada orang Islam yang menganggap negara Islam mestilah negara itu mundur, sering berlaku rusuhan, tiada kemudahan asas yang cukup dan tiada bekalan air bersih, katanya.

“Bag? mereka itulah negara Islam, sebab itu mereka dakwa kononnya negeri mereka adalah contoh negeri Islam,” kata Dr. Mahathir.

Perdana Menteri menarik perhatian, tidak ada sebab negara Islam tidak boleh maju dan aman seperti negara-negara maju yang lain.

“Kita tidak akan membelakangkan agama Islam dalam memajukan negara ini, agama Islam dan agama lain akan diberi tempat kerana Islam mengiktiraf adanya agama lain di dunia ini,” katanya lagi.